



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

**TINDAKAN TEGAS TERHADAP PEGAWAI AWAM
TERLIBAT RASUAH**

-
1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin merujuk kepada laporan media bertajuk “Penjawat Awam Minta Habuan RM100,000 Ditahan” yang disiarkan dalam akhbar tempatan pada hari ini.
 2. JPA memandang serius akan isu pegawai awam yang terlibat dengan gejala rasuah dan apa-apa jua bentuk kesalahan jenayah. Sekiranya pegawai awam didapati bersalah oleh mahkamah, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga dibuang kerja selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
 3. Semua Ketua Jabatan di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi siasatan/ penguatkuasaan sekiranya ada pegawai di bawah seliaan mereka terlibat dengan kesalahan jenayah tersebut.
 4. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara bebas rasuah, semua Ketua Jabatan hendaklah menyediakan mekanisme kawalan bagi menutup peluang dan ruang perlakuan rasuah dan salah guna kuasa. Mekanisme ini termasuklah pendigitalan proses kerja, semakan semula ke atas pekeliling-pekeliling perkhidmatan awam yang berkuat kuasa dan sebagainya. Penambahbaikan ini adalah untuk memastikan segala tatacara pengurusan kewangan, projek dan perolehan Kerajaan dipatuhi sepenuhnya, tanpa sebarang kompromi.

5. Sebarang kegagalan di pihak Ketua Jabatan untuk memastikan pematuhan peraturan akan disifatkan sebagai cuai dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan sewajarnya selaras dengan Peraturan 3C P.U.(A) 395/1993 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
6. Pada masa yang sama, bagi memastikan perkhidmatan awam bebas rasuah, kefahaman dan penglibatan masyarakat berkaitan amalan serta perlakuan rasuah amatlah dituntut dan pelaporan segera kepada agensi berkaitan hendaklah dijadikan budaya. Setiap individu hendaklah memainkan peranan untuk mencegah gejala rasuah dengan menghayati dan menterjemahkan nilai integriti dalam melaksanakan tugas-tugas harian.
7. Usaha berterusan ini hendaklah dilaksanakan oleh semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi bagi memastikan negara ini khususnya Perkhidmatan Awam Malaysia bebas rasuah.

Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
27 April 2022

###

Tel : 03 - 8885 3096 / 3088 / 3146
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld. 2 (25)